

CNS8626

R GB 14-04 00164 BA725

bah

Megat - Khabar angin

KAMPUNG GAJAH, 14 April (Bernama) -- Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob berkata pihak-pihak tertentu dari dalam dan luar negeri masih menyebarkan khabar angin menerusi telefon dan teleks kononnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedang sakit.

Katanya mereka menggunakan cara demikian kerana mendapati ianya berkesan untuk menjejaskan imej negara dan pasaran saham.

Beliau menyifatkan kegiatan itu sebagai tidak bertanggungjawab dan berkata, kerajaan belum boleh bertindak kerana khabar angin itu berubah mengikut keadaan semasa dan pihak berkuasa tidak dapat mengenal pasti mereka yang terbabit.

Fitnah itu semata-mata bertujuan untuk menjatuhkan Perdana Menteri kerana mereka cemburu dengan kejayaan negara dalam pelbagai bidang, katanya kepada pemberita selepas berbuka puasa di Masjid Bukit Chawi, Seberang Perak dekat sini malam tadi.

Bagaimanapun, katanya, khabar angin itu tidak menjejaskan imej negara kerana Malaysia diakui sebagai negara yang maju dalam bidang ekonomi, perpaduan kaum, politik dan pembangunan. -- Lagi

14/04/12-17MST

CNS8627

R GB 14-04 00164 BA726

bah

Megat - Khabar angin 2 Kampung Gajah

Datuk Megat Junid juga berkata pihak tertentu dalam negeri itu membeli lebih banyak saham menyebabkan harga pasaran jatuh, dan menjual balik saham-saham itu untuk mendapat keuntungan besar apabila harga naik

Katanya, keadaan itu tidak menjejaskan pelabur kerana mereka yakin terhadap kestabilan negara dan pentadbiran kepimpinan.

Mengenai sindiket pemalsuan pasport antarabangsa Singapura untuk memasuki negara ini, beliau berkata kerajaan sedang bekerjasama dengan pihak berkuasa republik itu bagi mengesan kumpulan yang bertanggungjawab.

Menurut Datuk Megat Junid, Jabatan Imigresen berjaya mengesan dan menangkap lima rakyat negara China yang memalsukan pasport antarabangsa Singapura bagi memasuki negara ini baru-baru ini.

Beliau berkata, maklumat yang diterima menunjukkan lebih 20 orang rakyat negara China ditahan oleh pihak berkuasa Singapura untuk disiasat berhubung dengan perkara itu.

Mengenai penahanan beberapa orang pengusaha skim cepat kaya di Perak baru-baru ini, beliau berkata polis menyoal siasat mereka yang terbabit setelah menerima aduan. -- Bernama

14/04/12-17MST